

08 JAN 1999

DAIM-WIRA

DAIM KEMBALI SEBAGAI WIRA KEWANGAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Kembalinya Tun Daim Zainuddin sebagai wira ulung kewangan negara dianggap sebagai langkah setapak lagi ke arah memperkukuhkan jentera bertujuan meningkatkan ekonomi negara.

Daim dibantu oleh Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Kewangan Kedua, yang telah menjadi terkenal di kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa kerana kefahamannya tentang pelbagai isu ekonomi yang melanda negara.

Pelantikan Datuk Mohd Nazri Tan Sri Abdul Aziz juga dianggap sebagai satu langkah untuk memperkukuhkan Kementerian Kewangan dalam keadaan yang menekan sekarang. Sepanjang tempohnya sebagai pengerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA), Nazri, seorang peguam terlatih, disifatkan sebagai seorang "tukang kerah" yang tegas.

Dengan kehadiran Daim, Mustapa dan Nazri di Kementerian Kewangan, kini ada gandingan mantap yang mempunyai keupayaan dan pengalaman untuk membawa negara keluar dari kemelut ekonomi.

Daim, ketika itu penasihat ekonomi, telah dipanggil semula pada 20 Disember, 1997 untuk membantu merangsang ekonomi negara setelah ia dilanda krisis kewangan serantau dan dilantik sebagai pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Beliau kemudiannya dilantik sebagai Menteri Tugas Khas pada bulan Jun tahun lalu untuk memperkukuhkan lagi langkah-langkah pemulihan yang sedia ada.

Daim, yang diberi penghargaan kerana membawa negara keluar daripada kemelesetan pada pertengahan tahun-tahun 80-an segera bertindak menurunkan kadar faedah agar perniagaan dapat berkembang.

Pada awal tahun lalu, kalangan perniagaan mengeluh kerana struktur kadar faedah yang tinggi yang, menurut mereka membelenggu kegiatan perniagaan.

Berikutan itu, MTEN memperkenalkan Pelan Pemulihanan Ekonomi Negara (PPEN) Julai lalu, iaitu satu pelan induk bertujuan mengubah haluan ekonomi negara yang merudum.

Seorang penganalisis dari sebuah pusat broker saham di sebuah bank berkata pelantikan Daim sebagai Menteri Kewangan Pertama memperlihatkan dengan jelas bahawa beliau adalah perancang ekonomi negara.

"Walau apa sekalipun, beliau mempunyai pengalaman kerana beliau juga pernah menjadi menteri kewangan," tambah beliau.

Menurut penganalisis tersebut rombakan Kabinet ini bertepatan pada masanya kerana ia akan meringankan beban yang ditanggung oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang sebelum ini memegang jawatan menteri kewangan.

Penganalisis itu juga berkata pelantikan Datuk Seri Abdullah Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri menghapuskan ketidak pastian dalam arena politik.

Ketidak pastian menjelang pemilihan UMNO yang akan berlangsung tahun ini juga berkurangan, katanya sambil menambah bahawa rombakan Kabinet terbaru ini adalah langkah sementara menjelang pilihanraya.

Merujuk kepada keputusan untuk tidak melantik Tengku Razaleigh Hamzah sebagai anggota Kabinet, beliau berkata adalah sukar baginya buat masa ini kerana ia tidak mempunyai sebarang jawatan utama dalam UMNO.

Tan Sri Ramon Navaratnam, penasihat korporat Kumpulan SungeiWay, apabila diminta mengulas, berkata: "Saya fikir ia merupakan langkah bijak kerana laporan PPEN mengandungi banyak cadangan dasar yang baik yang tidak

dilaksanakan dengan segera.

"Kini masalah ini akan dapat diatasi dengan pelantikan Tun Daim Zainuddin yang akan memastikan kementerian-kementerian dan agensi-agensi tidak hanya memperlengkap keputusan kabinet tetapi juga melaksanakan cadangan-cadangan PPEN dengan cepat dan cekap.

"Ini adalah perubahan besar. Dengan Tun Daim dan Datuk Mustapa Mohamad sebagai menteri kewangan, itu adalah pasukan yang terbaik.

"Mereka pernah bekerja bersama sebelum ini, dan saya berkhidmat sebagai timbalan ketua setiausaha pada tahun 1980-an semasa Tun Daim menjadi menteri kewangan dan Mustapa sebagai setiausaha politiknya. Mustapa juga merupakan pegawai kanan ekonomi dengan kementerian sebelum pelantikan beliau sebagai setiausaha politik.

"Pengalaman mereka dalam bekerjasama akan memperkukuhkan kedudukan mereka dan akan mempercepatkan pemulihan ekonomi. Mereka saling melengkapi. Kedua-duanya tegas, tenang dan bijak."

Senator Datuk V.K.K. Teagarajan, presiden Dewan Perniagaan dan Industri India Malaysia dan naib presiden Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan, berkata masyarakat perniagaan menyambut baik pelantikan Abdullah sebagai timbalan perdana menteri dan Daim sebagai menteri kewangan pertama.

"Kami mengalu-alukannya. Kami rasa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membuat keputusan yang betul dalam memilih orang yang betul."

Apabila ditanya bagaimana pelantikan itu akan memberi manfaat kepada masyarakat perniagaan, beliau berkata: "Mereka akan memberi rangsangan kepada masyarakat perniagaan kerana Daim, sebagai ahli perniagaan, memahami peranan sektor swasta.

"Kami amat gembira dengannya," kata Teagarajan. -- BERNAMA

TM MFJ KY JR